

Dr. M dijangka keluar hospital sehari dua lagi

UM - 3 FEB 1989

KUALA LUMPUR
2 Feb. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini buat pertama kali muncul di kaca televisyen dan ditonton oleh berjuta-juta rakyat sejak menjalani pembedahan pintasan koronari di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 24 Januari lalu.

Gambar beliau bersama-sama dengan para jurugambar dan wartawan serta kakitangan wad khas Hospital Besar telah disiarkan selama beberapa minit dalam pengumuman khas rancangan RTM Satu kira-kira 2.15 petang dan diulang dalam siaran berita semua rangkaian RTM dan TV3.

Beliau kelihatan riang dan sihat.

Sementara itu Bernama melaporkan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mo-

hammad dijangka dibenarkan pulang sehari dua lagi.

Pengarah Hospital Datuk Dr. C. Fonseka memberitahu para pemberita yang mengunjungi Perdana Menteri di wadnya hari ini, bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir semakin beransur pulih sejak pembedahan itu pada 24 Januari.

Ketua pasukan yang menjalankan pembedahan itu, Dr. Yahya Awang yang turut hadir berkata, beliau amat berpuas hati dengan kemajuan pada kesihatan Perdana Menteri.

Datuk Sri Dr. Mahathir, yang duduk di atas sebuah kerusi panjang bersama isterinya, kelihatan terharu dengan kedatangan lebih 10 orang wartawan dan jurugambar.

"Saya nampak beberapa muka lama,"

katanya.

Ditanya keadaannya, beliau berkata "Saya rasa lega."

Perdana Menteri juga mengambil kesempatan itu mengucapkan "Gong Xi Fa Cai" kepada masyarakat Cina.

Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang mendoakan agar Perdana Menteri cepat sembuh.

Beliau juga melahirkan penghargaan kepada mereka yang menghantar bunga serta perutusan-perutusan.

Perdana Menteri berjalan-jalan dalam wad khas itu dan juga keluar ke anjung.

Beliau juga bergurau dengan Setiausaha Akhbarinya, Encik Jalaludin Bahaudin dan para doktor yang hadir.